

SOALAN NO. 55**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 8 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah alasan penangguhan pindaan Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 dan adakah prinsip konsensus BN diaplikasikan untuk penangguhan itu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2016 telah dibacakan untuk kali yang pertama pada 21 November 2016 dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Parlimen Ketiga Belas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2016 kemudiannya ditarik balik pada 7 Ogos 2017 . Seterusnya, Rang Undang-Undang Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017 dibentangkan untuk bacaan pertama pada 8 Ogos 2017 dan akan melalui bacaan kedua dan ketiga dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Kelima Parlimen Ketiga Belas

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 56

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) jumlah kenderaan di atas lebuh raya ketika musim perayaan pada tahun ini dengan 2016 serta berapakah jumlah kemalangan maut yang berlaku sepanjang musim Aidilfitri baru-baru ini; dan
- (b) setakat ini sejauh manakan keberkesanan Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (Awas) dan Sistem Pemberi Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) bagi mengurangkan kadar kemalangan serta mendidik sikap pengguna jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

- a) Berdasarkan maklumat yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya, jumlah kenderaan yang berada di atas lebuh raya sepanjang musim Aidilfitri tahun ini adalah 46,209,561 berbanding 44,919,847 pada tahun sebelumnya.

Berdasarkan perangkaan kemalangan yang dikeluarkan oleh PDRM semasa Ops Selamat yang lepas, adalah didapati kes kemalangan maut telah menurun daripada 273 kes pada tahun 2016 kepada 239 kes pada tahun ini dengan penurunan sebanyak 34 kes. Dalam masa yang sama, jumlah kematian turut mencatatkan penurunan sebanyak 42 kes iaitu sebanyak 257 kematian pada tahun ini berbanding 299 kematian pada tahun lalu.

- b) *Automated Awareness Safety System (AwAS)* telah terbukti secara data saintifik dalam mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, analisis terkini yang dijalankan oleh MIROS semasa Operasi Tahun Baru Cina (OPS TBC) 2017 di tujuh (7) lokasi mudah alih menunjukkan peningkatan kadar pematuhan had laju sebanyak 18.9% iaitu meningkat dari 60.3% sebelum penguatkuasaan kepada 79.2% selepas penguatkuasaan.

Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan tiada kematian yang dicatatkan bagi tempoh OPS TBC 2017 berbanding 2 kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan

kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada 20 kes pada tahun 2016 kepada 2 kes pada tahun 2017.

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah saman yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan melalui sistem AwAS sejak ianya mula dikuatkuasakan pada 15 April 2017 sehingga terkini adalah sebanyak 142,135 notis saman. Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,258 orang pemandu telah dikenakan mata demerit.